

**Parlimen: Enam Syor Penambahbaik Proses Pilihan Raya Tidak Dilaksanakan
Bernama
8 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Enam daripada 32 cadangan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihanraya Khas berhubung penambahbaikan proses pilihan raya tidak dapat diteruskan atas faktor perundangan dasar dan kos kewangan yang besar, Dewan Rakyat diberitahu pada Isnin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata keputusan itu bagaimanapun tidak bererti bahawa syor-syor itu tidak dapat dilaksanakan pada masa hadapan.

Beliau memaklumkan secara keseluruhannya terdapat 32 syor Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan Proses Pilihan Raya (Jawatankuasa) terdiri 10 syor yang diluluskan Dewan Rakyat pada 1 Dis 2011 dan 22 syor dipersetujui Dewan Rakyat pada 3 Apr 2012, untuk dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi-agensi kerajaan berkaitan.

"SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor tersebut telah pun diberi perhatian dan tindakan yang wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikan," kata Mohamed Nazri ketika menjawab soalan Chow Kon Yeow (DAP-Tanjong).

Chow bertanyakan status cadangan terkandung dalam laporan jawatan kuasa itu dan sama ada cadangan supaya SPR bertanggungjawab terus kepada Parlimen dan bukan Jabatan Perdana Menteri akan dilaksanakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700293>